# info Zakat

ZAKAT
PULAU PINANG

زكاة ڤريهاتين
*Zakat Prihatin*



3 AIM Dan ZPP Anjur Bengkel Zakat Perniagaan


6 Berkongsi Kegembiraan Menjelang Syawal


8 Seminar Halal Pulau Pinang 2015


# OPS NIAGA 2015



Keluaran 02/2015 | www.zakatpenang.com

PERCUMA

Sungai Dua, Butterworth









# OPS Niaga 2015

Ramadhan penuh keberkatan menjelma lagi. ZPP 'turun padang' lagi seperti tahun-tahun sebelumnya untuk bersama peniaga dan masyarakat sekitar. Lokasi terpilih kali ini adalah pasar malam Taman Desa Murni. Hampir 120 buah warung dan gerai makanan telah dikunjungi.

Rata-rata peniaga begitu teruja dengan kehadiran ZPP kali ini. Akibat kekangan masa, peluang mereka bersama ZPP digunakan sebaik mungkin bagi mendapatkan maklumat taksiran zakat perniagaan dan merancang janji temu.

OPS Niaga adalah sebahagian dari aktiviti Zakat Pulau Pinang bagi menyebarluaskan dakwah zakat kepada peniaga di seluruh pelusuk negeri Pulau Pinang. Moga lebih ramai peniaga yang berlumba mengerjakan kebaikan, berlumba menunaikan tanggungjawab ibadah zakat perniagaaan sebagaimana yang diwajibkan.

Sungai Tiram, Bayan Lepas





# Kuliah Zuhur Bersama PU Shahul

Baru-baru ini kuliah Zuhur bersama PU Shahul yang bertajuk 'Kefardhuan Zakat' telah diadakan di Masjid Jamek Sungai Tiram. Alhamdulillah hampir 200 orang telah hadir bagi memeriahkan kuliah ini. Semoga kita semua memperoleh manfaat dari kuliah ini, In-Sha Allah. Marilah berzakat demi kelangsungan asnaf yang layak dibantu. In-Sha Allah.

# Bantuan Kecemasan Bencana Alam



Lawatan ZPP bersama Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Dato' Haji Mohd Rashid Hasnon ke rumah mangsa yang terlibat di sekitar Kepala Batas. Sebanyak 8 buah keluarga telah menerima bantuan tunai dalam lawatan tersebut. **Terima kasih pembayar zakat, zakat ditunai asnaf terbela.**













# AIM Dan ZPP Anjur Bengkel Zakat Perniagaan





Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dengan kerjasama Zakat Pulau Pinang MAINPP (ZPP) telah mengadakan Bengkel Zakat Perniagaan khusus kepada semua kakitangan Negeri Pulau Pinang. Bengkel ini adalah lanjutan dari termetrinya Memorandum Perjanjian (MOA) Pelantikan AIM Sebagai Wakil Kutipan Zakat. Dengan pelantikan ini, pihak AIM secara rasminya boleh menjalankan kempen zakat perniagaan seterusnya memungut zakat perniagaan di kalangan Sahabat AIM.

Bengkel yang diadakan di Hotel Summit, Bukit Mertajam ini dihadiri seramai 45 orang kakitangan AIM. Bagi memantapkan lagi pemahaman dan penguasaan kaedah pengiraan zakat perniagaan, dua orang penceramah dari ZPP dijemput menyampaikan taklimat kerja iaitu En. Mohamad Fuad bin Md Isa, Penolong Pengurus Besar ZPP dan En. Mahroos bin Abdullah, Eksekutif Zakat Perniagaan. Y.Bhg. Dr Zubir Harun, Pengerusi Lembaga AIM telah sudi hadir menyempurnakan majlis penutup bengkel.

## Permatang Pasir, Permatang Pauh




# Majlis Penyerahan Bantuan Bencana Alam dan Bantuan Perumahan ZPP





Majlis telah diadakan di Pusat Khidmat DUN Permatang Pasir. YB Dato' Haji Salleh Bin Man, YDP MAINPP merangkap Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang menyerahkan bantuan kepada 7 mangsa kejadian ribut tersebut. Dalam majlis yang sama, 11 orang asnaf telah menerima Bantuan Perumahan ZPP. Jumlah keseluruhan agihan pada hari tersebut bernilai RM 429,000. Terima kasih pembayar zakat, zakat ditunai asnaf terbela.



## Hospital Pulau Pinang



# Segera Santuni Asnaf Di ICU

ZPP telah menyantuni Puan Karmila, ibu kepada 3 orang anak yang ditinggalkan suami di Hospital Pulau Pinang. Lawatan bertujuan melihat keadaan keluarga beliau serta anak bongsunya berumur setahun yang tersimbah air panas dan melecur 75% diseluruh badan.

Puan Karmila hanya bekerja sebagai pembantu kantin sekolah dengan pendapatan RM40 sehari. Beliau turut menerima bantuan JKM untuk persekolahan anak. Buat masa ini, hampir sebulan beliau tidak dapat bekerja kerana perlu menjaga anak bongsunya itu.

Tindakan segera ZPP ini adalah hasil keprihatinan dan masyarakat yang membantu melaporkan kesulitan Puan Karmila. Bantuan segera telah disalurkan buat Puan Karmila sementara menanti Bantuan Kewangan Bulanan ZPP. Terima kasih.

## Kebun Sireh

# Asnaf Dalam Kesulitan Di Kebun Sireh





ZPP hadir menziarahi Adik Norhidayah Jamaludin, 12 tahun, murid SK Kebun Sireh, Bukit Mertajam yang kini terlantar di rumah dan sering berulang alik ke hospital akibat sakit jantung kronik. Ayahnya terpaksa berhenti kerja hampir sebulan lalu akibat terlalu kerap perlu berulang alik ke hospital. Bantuan awal wang tunai diserahkan kepada ibunya, Puan Mariani. Bantuan bulanan akan segera disalurkan.





# Hi-Tea
## Bersama Media

ZPP telah menganjurkan Majlis Hi-Tea Zakat Pulau Pinang Bersama Media di Ixora Hotel, Perai. Majlis berkenaan mengumpulkan para pengamal media di sekitar Pulau Pinang.

Majlis disempurnakan oleh YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Salleh Bin Man. Turut memeriahkan majlis adalah Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang. Antara wakil media yang hadir adalah dari Harian Metro, RTM, Buletin Mutiara, Utusan Malaysia, Kosmo dan Sinar Harian.

Objektif utama majlis ini adalah bagi mewujudkan hubungan kerja yang muhibbah diantara ZPP dan media tempatan, selain itu, majlis ini merupakan satu penghargaan ZPP kepada organisasi media di atas kerjasama tidak berbelah bagi yang telah diberikan dalam melaporkan aktiviti yang telah dijalankan.

ZPP mengucapkan ribuan terima kasih kepada para rakan media yang hadir ke majlis ini.








# Santuni Keluarga
## Isteri Sarat Mengandung Ditinggalkan Suami

ZPP berkunjung ke Hospital Seberang Jaya bagi menjejaki satu kes seorang isteri yang sarat mengandung ditinggalkan suami bersama enam orang anak yang masih kecil. Kunjungan kami turut mendapat kerjasama baik Bahagian Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan HSJ.

Noor Hayati Md Noh, 40 terharu lalu menitiskan air mata sebaik sahaja dimaklumkan pihak ZPP bahawa kisahnya kini mendapat perhatian di media-media sosial. Beliau yang kini sedang menghitung hari untuk melahirkan anaknya yang ke-7. Anak-anaknya yang berumur antara 13 dan 2 tahun yang kini berada di rumah dijaga oleh adiknya.

Hasil siasatan ZPP, Noor Hayati dan anak-anaknya turut pernah menerima manfaat zakat pada tahun 2014 untuk menyelesaikan tunggakan ansuran rumahnya. Beliau dan anak-anak ketika itu turut ditinggalkan suami yang hilang entah ke mana.

Bantuan kewangan bulanan telah segera diluluskan buat keluarga Noor Hayati dan anak-anak. Turut berkongsi maklumat adalah pengacara terkenal, Ahmad Fedtri Yahaya dilaman instagramnya.Terima kasih pembayar zakat.



# Zakat Pulau Pi
## Di Dalam Media



# Episod duka 10 tahun

Kepala Batas: Disuruh duduk dalam gelap, dilarang memasak dan dipukul di kepala dengan topi keledar antara episod duka ditanggung seorang wanita berikutan suaminya mengalami tekanan mental.

Selama 10 tahun, wanita dikenali sebagai Ina, 39, dari Taman Bertam Perdana bersabar dengan kerenah suaminya berusia 38 tahun demi membesarkan tiga anak termasuk dua masih bersekolah dengan harapan suaminya akan pulih, namun sebaliknya berlaku.

Dia sendiri bingung dengan apa yang berlaku kerana sebelum ini dia kelihatan normal, malah bekerja sebagai kakitangan awam sebelum tidak ke tempat kerja sejak tiga bulan lalu menyebabkannya kesempitan wang untuk menyara tiga anak.

Wanita itu berkata demikian ketika dikunjungi pegawai Zakat Pulau Pinang (ZPP) yang menghulurkan bantuan segera RM300 bagi membolehkannya membeli barang keperluan.

Sementara itu, Timbalan Pengurus Besar ZPP Mohd Khairi Ghazali berkata, pihaknya turun padang melihat keadaan wanita itu selepas menerima maklumat daripada jiran wanita berkenaan.

MOHD Khairi (dua dari kanan) menyerahkan bantuan segera kepada Ina di Taman Bertam Perdana, Kepala Batas.



# TNB P. Pinang bayar RM1.2 juta zakat

DR. Abdul Rahman Abbas (tengah) dan Ir. Abdul Aziz Abdul Majid (empat dari kiri) sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan replika cek sumbangan zakat TNB Cawangan Pulau Pinang kepada PUZ di sini baru-baru ini.

Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Tenaga Nasional Berhad (TNB) cawangan Pulau Pinang yakin peningkatan bayaran zakat yang dicatatkan Pusat Urus Zakat (PUZ) negeri setiap tahun menunjukkan prestasi baik badan berkaitan.

Perkara tersebut dinyatakan Pengurus Kanan TNB Wilayah Utara, Ir. Abdul Aziz Abdul Majid sejurus menyempurnakan pembayaran zakat perniagaan TNB Pulau Pinang melalui Yang di-Pertua Negeri (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas kepada PUZ di sini baru-baru ini.

"Pada tahun ini, kita (TNB Pulau Pinang) membuat pembayaran berjumlah RM 1,194, 409.21 bagi zakat perniagaan TNB (cawangan Pulau Pinang) tahun 2014.

"Berbanding tahun lalu (2013), TNB (cawangan) Pulau Pinang mengeluarkan zakat dalam lingkungan RM700,000 lebih sahaja," ujarnya pada sidang media selepas selesai Majlis Penyerahan Sumbangan Zakat TNB Cawangan Pulau Pinang Kepada PUZ di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man dan Pengurus Besar TNB Pulau Pinang Bahagian Pembahagian, Ir. Mohamed Ghous Ahmad.



# Kesedaran bayar za
# peranan media dih

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA** – Liputan media massa sama ada positif atau kontroversi mengenai pengurusan zakat di negeri ini sebenarnya memupuk kesedaran umat Islam serta badan-badan korporat untuk melaksanakan kewajipan ibadah tersebut melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man berkata, pihaknya berharap tautan harmoni antara institusi-insitusi Islam dengan semua kaum media dapat diteruskan demi kepentingan bersama.

"Tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan ZPP sehingga dikenali sebagai agensi yang menyalurkan bantuan yang penting di Pulau Pinang turut didorong dan disokong oleh rakan-rakan media.

"Saban tahun, kutipan zakat berjaya ditingkatkan... (maka) peranan media mengetengahkan kisah-kisah golongan asnaf

MOHD. Salleh Man (kiri se... @ Harun (dua dari kiri) m... akhbar Buletin Mutiara pa... baru-baru ini.



Sungai Nibong

# Berkongsi Kegembiraan
## Menjelang Syawal





ZPP pada pagi 27 Ramadhan 1436H berkunjung ke rumah En. Ibrahim Summons, 68 tahun membawa sumbangan pembayar zakat buat beliau dan isteri. Bekerja sebagai pencuci pejabat dengan gaji RM1000 sebulan, beliau tabah menjaga isterinya yang terlantar sakit sejak beberapa tahun lalu. Bantuan JKM diterima isteri turut digunakan bagi membeli keperluan isterinya. Beliau dan isteri hanya mempunyai 2 orang anak yang masing-masing kini telah berkeluarga. Salah seorang anaknya bekerja sebagai pemandu lori sementara seorang lagi surirumah sepenuh masa.

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Datuk Haji Mohd Rashid bin Hasnon yang juga ADUN Pantai Jerjak menyampaikan sumbangan zakat berbentuk wang tunai, katil hospital dan tilam kepada En. Ibrahim Summons. Semoga sumbangan ini memberi sedikit keselesaan buat isteri beliau sekaligus memberikan sedikit keceriaan buat kedua-dua pasangan ini menyambut Syawal. Terima kasih pembayar zakat. Kegembiraan Dikongsi.

## Peranan Jawatankuasa Kariah bukan di masjid sahaja – YDP MAINPP





**Fulfilling duties**

KPJ Penang Specialist Hospital CEO Abdul Aziz Abdul Rahman (left) handing over commercial tithes on behalf of the hospital to Penang Tithes Management Centre general manager Azman Abdul Samad as the hospital's officials (from second left) Engku Mashuri Engku Hussin, Ismail Mat Ali, Rosli Hamid and Hamzah Abu Seman (partly hidden) witness the ceremony at the hospital in Bandar Perda, Bukit Mertajam.

## akat melalui argai



kali) diiringi Mohammad Noor Che Man enyerahkan cenderamata kepada wakil da Majlis Hi-Tea Bersama Media di sini

sekaligus membuktikan kesatuan antara (MANIPP-ZPP) dengan para media am memberi kesedaran kepada umat." nya yang juga Ahli Dewan Undangan geri (ADUN) Permatang Pasir pada Majlis Tea Bersama Media di sini baru-baru ini. Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul nat turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua AINPP, Dato' Abdul Halim Hussain serta berapa Ahli Lembaga Pengarah ZPP, Dato' stafa Kamal Yusoff, Mohammad Noor e Man @ Harun, Rahmah Md. Isa dan to' Salim @ Saleem Mamshoor.

Pada majlis sama, Mohd. Salleh mewakili P turut menerima sumbangan sejumlah kat korporat daripada wakil Koperasi ma Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB).

Harian Metro | Setempat 21

## Cinta dialisis

■ Lelaki tawar hati kahwin jumpa jodoh ketika cuci buah pinggang

"Saya jatuh hati pandang pertama ketika dia baru memulakan rawatan pada 2004"









# Santuni Asnaf Menjelang Aidil Fitri

Alhamdulillah selesai tugasan ZPP menyantuni asnaf di sekitar Kepala Batas hari ini. Terima kasih kepada semua yang terlibat ziarah asnaf.

Lawatan pertama melibatkan lawatan ke rumah keluarga seorang suami pesakit mental serta tidak mempedulikan makan minum isteri dan anak-anak di sekitar Kepala Batas.

Lawatan kedua pula melibatkan kes suami meninggalkan isteri bersama 3 orang anak yang masih kecil. Isteri tiada pendapatan kerana tidak bekerja. Sumbangan disampaikan oleh Penolong Pengurus Besar, Jabatan Agihan Dan Pembangunan Masyarakat ZPP, Ustaz Kairi.







# Seminar Halal Pulau Pinang 2015

Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPJ) dan Zakat Pulau Pinang MAINPP (ZPP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, telah menganjurkan Seminar Halal 2015. Seminar yang berlangsung di MPC Kepala Batas ini telah menghimpunkan seramai 250 orang peserta yang terdiri dari kalangan usahawan dan peniaga.

En. Mohamad Fuad Md Isa, Pen. Pengurus Besar ZPP, menyampaikan pembentangan dengan tajuk "Zakat; Faedah dan Kepentingannya Dalam Keberkatan Bisnes Halal. Lain-lain pembentangan ialah "Keperluan Halal: Prosedur, Standard & Pematuhan" oleh Ustazah Norhasni Othman Pegawai Teknologi Makanan JAIPP, "Mengharmonikan Perniagaan dan Kehidupan Melalui Waqaf" oleh Ustaz Mustapahayuddin Abdul Khalim, Penolong Pengarah Wakaf MAIJ, "Perkongsian Pengalaman : Kebolehpasaran Produk Halal" oleh En. Mohd Roslan Mohd Saludin, Pengurus Besar Jabatan Syariah & Pematuhan Halal QSR Brands (M) Holdings Sdn. Bhd. dan "R & D, Cabaran & Isu Terkini Dalam Industri Halal" oleh YBhg. Prof. Dr. Shuhaimi Mustafa, Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) UPM.

Seminar telah dirasmikan oleh YBhg. Tuan Haji Azman Abdul Samat, Pengurus Besar ZPP. Turut hadir YBhg. Tuan Haji Zamri Norani, Pengarah Urusan IPPJ dan YBhg. En. Faizal Ibrahim, KPP Bhg. Pengurusan Halal JAIPP.








# Santuni Asnaf Di Machang Bubuk

Sebuah keluarga yang sedang dalam kesulitan di Taman Machang Bubok telah disantuni. Suami dipenjarakan dan tiada pendapatan tetap. Suhaida Hassan, 35 tahun tabah dengan ujian bagi meneruskan hidup menanggung 3 orang anak yang masih bersekolah.

Hasil siasatan, Penolong Pengurus Besar, Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat Agihan ZPP segera berkunjung ke rumah beliau dan menyerahkan sumbangan zakat berupa wang tunai, beras serta hamper barangan dapur. Bantuan Sarahidup Bulanan untuk beliau bakal diluluskan dalam kadar segera. Zakat Prihatin.

# Zakat Untuk Mangsa
## Kebakaran Sungai Ara

ZPP mengunjungi keluarga yang mendiami 3 buah rumah yang dilaporkan musnah terbakar tempohari di Sungai Ara, Bayan Lepas. Wang pendahuluan bantuan zakat berjumlah RM400 disalurkan kepada mangsa kejadian yang dilaporkan tinggal sehelai sepinggang. Kejadian ini berlaku pada hari Selasa (23 Jun 2015) lalu, menyebabkan kemusnahan tiga buah rumah dan dipercayai akibat litar pintas pada salah sebuah rumah tersebut.

Hasil siasatan, ZPP segera turun padang untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan bagi menyalurkan bantuan zakat. Baki bantuan kebakaran dengan jumlah maksimum akan diserahkan dalam masa terdekat. Moga wang dari para pembayar zakat ini memberikan kegembiraan dan harapan buat keluarga mangsa meneruskan puasa Ramadhan dan seterusnya menyambut Syawal kelak. Zakat Ditunai, Asnaf Terbela.












# Zakat Santuni Keluarga 'Teman Berbasikal'

ZPP segera menyantuni mangsa kebakaran yang berlaku di Kampung Belah Dua, Permatang Pauh. Dalam kejadian jam 12.30 tengahari rumah Puan Roziyah Che Ya hangus sama sekali. Turut hangus kedai makan yang diusahakannya bersama anaknya En. Fadzli Md Kassim. ZPP mengucapkan takziah diatas apa yang terjadi. In-Sha Allah ZPP akan segera menyalurkan bantuan selanjutnya dengan kadar yang segera. Zakat Prihatin.







# ZPP
## Beli Baju Raya

ZPP senantiasa memastikan zakat para pembayar sampai kepada penerima. Keluarga Allahyarham Muhamad Tarmizi Chek Amat yang maut akibat kemalangan jalanraya di susur keluar lebuhraya Sungai Dua pada bulan ramadhan lalu.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri, Zubaidah Hamad, 41 tahun bersama 6 orang anak berusia antara 4 bulan dan 16 tahun. 4 orang anak masih bersekolah. Kunjungan ZPP mendapati isteri Allahyarham tidak mempunyai sebarang pendapatan serta tinggal di rumah sewa dengan bayaran RM170 sebulan.

ZPP diwakili Penolong Pengurus Besar, Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat menyampaikan sendiri bantuan zakat berupa wang tunai kepada keluarga Allahyarham. Selain itu, ZPP turut menceriakan anak-anak Allahyarham dengan membelikan pakaian hari raya buat mereka.

Moga wang dari para pembayar zakat memberikan sedikit kegembiraan dan keceriaan buat keluarga Allahyarham menyambut Aidilfitri tahun ini. **Zakat Ditunai, Asnaf Terbela.**



# Analisa

### ANALISA AGIHAN ZAKAT SEHINGGA 31 OGOS 2015

| *No.* | *Asnaf* | *Jumlah (RM)* |
|---|---|---|
| 1 | Fakir | RM 4,161,903.00 |
| 2 | Miskin | RM 27,778,272.00 |
| 3 | Muallaf | RM 1,875,068.00 |
| 4 | Ghorimin | RM 1,015,793.00 |
| 5 | Ibnu Sabil | RM 234,801.00 |
| 6 | Fisabilillah | RM 17,986,858.00 |
| | **Jumlah** | **RM 53,052,695.00** |

### ANALISA KUTIPAN ZAKAT SEHINGGA 31 OGOS 2015

| *PENERANGAN* | *JUMLAH (RM)* |
|---|---|
| ZAKAT PENDAPATAN | RM 29,376,309.00 |
| ZAKAT PERNIAGAAN | RM 12,376,979.00 |
| ZAKAT WANG SIMPANAN | RM 5,953,606.00 |
| ZAKAT SAHAM | RM 202,682.00 |
| ZAKAT KWSP | RM 1,122,706.00 |
| ZAKAT EMAS | RM 575,698.00 |
| ZAKAT PERAK | RM 2,691.00 |
| QADHA ZAKAT | RM 361,709.00 |
| ZAKAT HARTA | RM 3,210,153.00 |
| ZAKAT TANAMAN | RM 302,276.00 |
| ZAKAT TERNAKAN | RM 4,600.00 |
| **JUMLAH** | **RM 53,489,409.00** |

## Jabatan Kutipan Dan Pemasaran















## Bahagian Zakat Perniagaan






















## Kempen Zakat ZPP di Teksi Pulau Pinang










**5 Ogos 2015**

### ATIKA BEAUTY RICH, BERTAM PERDANA

RM 35,500

Zakat Perniagaan bagi haul 2015

Diserahkan oleh En. Baharuddin Bahrun




**31 Julai 2015**

### ETIQA TAKAFUL

Zakat Perniagaan haul 2014 kepada Zakat Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak.

Diserahkan oleh CEO Etiqa En Ahmad Rizlan Azman



**10 Ogos 2015**

### KOPERASI GURU MELAYU PULAU PINANG

Zakat Perniagaan bagi haul 2014

Diserahkan oleh Tuan Haji Azalli Haji Abd Razak, Pengerusi Koperasi




**13 Julai 2015**

### KPJ PENANG

Zakat Perniagaan bagi haul 2014

Diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang, Tuan Haji Abd Aziz Abd Rahman




**9 Julai 2015**

### BANK MUAMALAT

Zakat Perniagaan bagi haul 2014

Zakat diserahkan oleh Puan Sarimah Binti Bashah, Pengurus Kawasan Utara BMMB




**14 Julai 2015**

### PERTUBUKAN PELADANG KAWASAN LAHAR BUBU

Zakat Perniagaan bagi haul 2014

Diserahkan oleh Tn. Hj Fareed Hj Hussain, Pengerusi PPK Lahar Bubu




**15 Jun 2015**

### PLUS

Zakat Perniagaan bagi haul 2014

Diserahkan oleh En. Mohammad Fuad Khusairi, (Ketua Pegawai Operasi PLUS)




**15 Jun 2015**

### TELEKOM MALAYSIA BERHAD

Zakat Perniagaan bagi haul 2014

Diserahkan oleh En. Ahmad Azhari Ismail, (Pengurus Besar Negeri, TM Pulau Pinang)



## KAUNTER PERKHIDMATAN ZAKAT

**BUKIT MERTAJAM (IBU PEJABAT)**
No. 4, Jalan Perda Selatan,
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.
Tel : 04-549 8088
Faks : 04-530 6466

**BUTTERWORTH**
No. 65, Jalan Selat,
Taman Selat, 12000 Butterworth.
Tel : 04-331 3686
Faks : 04-332 1272

**NIBONG TEBAL**
No. 40, Jalan Jawi Jaya 1,
Taman Jawi Jaya, 14200 Jawi.
Tel : 04-583 3088
Faks : 04-583 3080

**BALIK PULAU**
208 D & 208 D-1,
Jalan Sungai Pinnag
11000 Balik Pulau.
Tel : 04-866 0299

**KEPALA BATAS**
No. 1204, Wisma Syeikh
Abdullah Fahim,
13200 Kepala Batas.
Tel : 04-578 3300

**AYER ITAM**
d/a. Masjid Negeri
Pulau Pinang,
Jalan Ayer Itam,
11500 Pulau Pinang.
Tel : 04-827 7488

**BAYAN BARU**
No. 81 Tkt. Bawah,
Persiaran Mahsuri,
1/3 Sunway Tunas,
11900 Bayan Lepas.
Tel : 04-646 9980
Faks : 04-646 9981

**GEORGETOWN**
No. 34, Lebuh Buckingham,
10200 Georgetown.
Tel : 04-250 1000
Faks : 04-250 1001

**www.zakatpenang.com**